



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; DIDIK ANAK MENGIKUT RASULULLAH SAW



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"DIDIK ANAK MENGIKUT RASULULLAH SAW". 1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾
5	Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.
6	Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk " DIDIK ANAK IKUT RASULULLAH SAW ".
7	Allah SWT telah memerintahkan agar setiap umat Islam menjaga diri dan keluarga daripada melakukan maksiat dan dosa sepertimana yang terkandung dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-Tahrim ayat 6 yang dibaca dipermulaan khutbah ini bermaksud : "Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu serta ahli keluarga kamu dari api neraka."



<p>Syeikh Muhammad Sayyid Thanthawi dalam tafsirnya menyatakan makna ayat ini ditujukan kepada setiap insan yang beriman kepada Allah SWT agar menjauhi diri mereka daripada api neraka dengan melakukan kebaikan serta menjauhi diri daripada perkara maksiat. Mereka dan ahli keluarga mereka dengan cara menasihati, menunjukkan jalan yang benar dan menyuruh melakukan perkara yang ma'ruf serta mencegah diri daripada perkara mungkar bermula dari peringkat kanak-kanak lagi.</p>	8
<p>Mendidik anak antara cabaran besar buat ibu bapa kerana tidaklah semudah yang disangka. Pelbagai dugaan dan cabaran harus ditempuhi dalam memastikan anak-anak menjadi insan berguna di dunia dan akhirat. Sebagai umat Islam, contoh teladan yang terbaik ialah daripada junjungan yang mulia Rasulullah SAW.</p>	9
<p>Kebaikan Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak membuatkan mereka sangat suka dan sayang kepada Baginda SAW. Terdapat beberapa tahap mendidik anak mengikut cara Rasulullah SAW dan boleh dijadikan rutin kehidupan. Oleh yang demikian, 4 peringkat yang boleh dijadikan panduan dalam mendidik anak-anak mengikut sunnah Rasulullah SAW adalah;</p> <ol style="list-style-type: none">1. Tahap pertama, selepas kelahiran anak sehingga umurnya 6 tahun. Pada masa ini, Rasulullah SAW menyuruh kita untuk memanjakan, mengasihi dan menyayangi anak dengan kasih sayang dan adil terhadap semua anak. Anak menjadikan ibu bapa sebagai rujukan sekiranya menghadapi sesuatu masalah. Anak-anak akan lebih dekat dengan kita (ibu bapa) dan merasakan kasih sayang ibu bapa sebahagian masa membesar mereka yang boleh dianggap sebagai rakan dan rujukan yang terbaik, Anak-anak merasa aman dalam meniti usia kecil mereka kerana mereka tahu yang ibubapa selalu ada disisi mereka setiap masa. Anak-anak juga merasa aman dan selamat kerana ibubapa memberikan sepenuh perhatian untuk mendidik dan mengawal tingkah laku dan pergerakan anak-anak.	10



<p>Tahap kedua, ketika umur anak-anak 7-14 tahun. Pada tahap ini ibu bapa perlu menanamkan nilai disiplin dan tanggungjawab kepada anak-anak.</p>	11
<p>Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amru Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ</p>	12
<p><i>"Perintahlah anak-anak kamu supaya mendirikan sembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan sembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur antara mereka (lelaki dan perempuan) daripada tempat tidur kamu"</i></p> <p>(Riwayat Abu Daud).</p>	
<p>Pada peringkat ini anak-anak akan lebih bertanggungjawab pada setiap suruhan terutama dalam mendirikan solat. Inilah masa terbaik bagi kita sebagai ibu bapa dalam mencorakkan sahsiah dan akhlak anak-anak mengikut acuan Islam. Maka, ibu bapalah yang menjadikan mereka seorang Muslim, Yahudi, Nasrani ataupun Majusi.</p>	14



Ibubapa menjadi tonggak utama dalam menentukan hala tuju dan kehidupan anak sama ada menjadi mukmin sejati atau sebaliknya. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

15

"Tidaklah dilahirkan seorang anak itu melainkan dia lahir dalam keadaan fitrah. Maka kedua ibubapanya yang menjadikannya beragama yahudi atau menjadikannya beragama nasrani atau menjadikannya beragama majusi."

(Riwayat Muslim).

16

3. Tahap ketiga, ketika umur anak-anak 15 - 21 tahun. Tahap ketiga merupakan fasa yang mencabar di mana sifat remaja itu seringkali bersikap memberontak. Pada tahap ini ibu bapa seelok-eloknya mendekati anak-anak dengan berkawan dengan mereka. Banyakkan berborak dan berbincang dengan mereka mengenai perkara yang mereka hadapi. Bagi anak remaja perempuan contohnya, berkongsilah dengan mereka mengenai kisah kedatangan 'haid' mereka dan perasaan mereka ketika itu. Jadilah pendengar yang setia kepada mereka. Sekiranya tidak bersetuju dengan sebarang tindakan mereka, elakkan mengherdik atau memarahi mereka terutama di hadapan adik-beradik yang lain tetapi banyakkan pendekatan secara diplomasi walaupun kita adalah orang tua mereka. Kesannya, tiada orang ketiga atau orang asing akan hadir dalam hidup mereka sebagai tempat rujukan dan pendengar masalah mereka. Mereka tidak akan terpengaruh untuk keluar rumah untuk mencari keseronokan memandangkan semua kebahagiaan dan keseronokan telah ada di rumah bersama keluarga.

17



<p>4. Tahap keempat, ketika umur anak 21 tahun dan ke atas. Fasa ini adalah di mana ibu bapa memberikan sepenuh kepercayaan kepada anak-anak dengan memberi kebebasan dalam membuat keputusan mereka sendiri. Ibu bapa hanya perlu memantau, menasihati dengan diiringi doa agar setiap hala tuju yang diambil mereka adalah betul. Bermula pada tahap ini pengembaraan kehidupan mereka yang sebenar adalah di luar rumah.</p>	18
<p>Segala disiplin yang diasah sejak tahap ke-2 sebelum ini cukup menjadi benteng diri buat mereka. Ibu bapa janganlah serik untuk menasihati mereka untuk membentuk tingkahlaku anak-anak yang lebih baik seperti yang ibubapa inginkan.</p>	19
<p>Dalam mendidik anak-anak ibu bapa perlu menunjukkan tauladan yang baik. Mematuhi segala ajaran agama dan ini sudah tentu akan mempengaruhi anak-anak dalam proses pendidikan tersebut. Imam Ibnu Hajar al-Haitami ada menyebutkan jika ibu bapa bertakwa kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan mengurniakan kebaikan dan mempermudah segala urusan zuriat mereka dengan memberi keberkatan serta petunjuk dalam kehidupan zuriat mereka. Namun sebaliknya, jika ibu bapa mereka tidak melaksanakan perintah Allah SWT dan melanggar larangannya, nescaya anak-anak mereka akan berkelakuan sebagaimana kelakuan ibu bapa mereka.</p>	20
<p>Jika sekiranya ibu bapa telah melaksanakan tanggungjawabnya dalam pendidikan agama anak-anak tetapi anak-anak masih tidak berakhlak dengan akhlak yang baik maka itu adalah satu ujian bagi ibu bapa. Mereka perlu bersabar atas ujian itu serta jangan putus asa berdoa supaya ia menjadi sebab kepada ganjaran pahala di sisi Allah SWT kepada ibu bapa.</p>	21



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Ibu bapa hendaklah berperanan dan bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak agar menjadi manusia yang beriman kepada Allah SWT.
2. Ibu bapa hendaklah menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan yang terbaik dalam mendidik anak-anak.
3. Ibu bapa hendaklah sentiasa mendoakan kebahagiaan anak-anak dan kaum keluarga agar dikurniakan kebaikan hidup di dunia dan di akhirat.

22

يَبْنِيْ اَقِيْمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا
اَصَابَكَ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْاُمُوْرِ ﴿١٧﴾

23

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

24

(Surah Luqman : 17).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ
الْعَلِيْمُ.

30

اَقُوْلُ قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan- Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا
ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

13

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

14

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

15